

Pelajar maut kena tikam penyamun

Dua rakan parah diserang senjata tajam

Oleh Misiah Taib
dan Mohd Roji Abdullah

bhnews@bharian.com.my

KUCHING: Seorang pelajar perempuan maut, manakala dua rakannya cedera termasuk seorang parah, selepas diserang dua lelaki yang menyamun mereka di tepi jalan Bandar Baru Mudajaya, Batu Kawa, di sini lewat petang kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 7.30 malam itu, Suci Nor Rahma, 14, dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Batu Kawa, yang ditikam dengan senjata tajam di perut disahkan meninggal dunia di Hospital Umum Sarawak (HUS) kira-kira jam 10.30 malam kelmarin, selepas tidak sedarkan diri kira-kira tiga jam.

Ketua Polis Daerah Ku-

ching, Asisten Komisioner Mun Kock Keong, berkata rakannya yang berusia 12 tahun parah dan kini menerima rawatan di unit rawatan rapi HUS, manakala seorang lagi berusia 13 tahun menerima rawatan sebagai pesakit luar di hospital sama.

Beliau berkata, polis melancarkan gerakan memburu dua penyamun terbabit dan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

"Gerakan memburu dua suspek turut dijalankan polis daerah lain dan polis juga meminta bantuan orang ramai menyaksikan kejadian itu tampil untuk membantu siasatan," katanya.

Ketika kejadian, mangsa dikatakan bersama dua rakannya dalam perjalanan balik dari kedai ke rumah mereka di Taman Sri Emas, berhampiran Bandar Baru Mu-

dajaya, Batu Kawa di sini.

Dua lelaki yang menaiki sebuah skuter tiba-tiba menghampiri mereka sambil mengacukan pisau dan meminta menyerahkan barangan milik mereka termasuk telefon bimbit.

Seorang daripada remaja perempuan itu akur dengan arahan penyamun terbabit, bagaimanapun mangsa dan seorang lagi rakannya enggan menyerahkan barangan mereka.

Penyamun terbabit berang dan bertindak agresif dengan menikam mangsa serta dua lagi rakannya di perut, sebelum melarikan diri.

Salah seorang mangsa yang selamat, menjerit meminta bantuan orang ramai, yang kemudiannya menghujungi Balai Polis Batu Kawa sebelum mengejar tiga mangsa yang cedera ke HUS.